

GARIS PANDUAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL PENGINAPAN / ASRAMA PEKERJA DI DALAM KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

1. Semua pemohon atau pemilik premis penginapan / asrama pekerja perlu mengisi Borang Maklumat Pemohon Pengurusan Sisa Pepejal Penginapan / Asrama Pekerja dan perlu sentiasa dikemaskini agar mudah untuk dihubungi daripada semasa ke semasa.
2. Terdapat 2 jenis penggunaan sesebuah bangunan bagi kemudahan pekerja mengikut Prosedur Permohonan Bagi Penyediaan Penginapan Pekerja Secara Jangka Pendek oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu,
 - 2.1. **Penginapan Pekerja**
Dalam panduan ini bermaksud satu unit kediaman / perniagaan / perindustrian (sama ada diubah suai atau tidak diubah suai) yang digunakan untuk menempatkan beberapa orang pekerja meliputi pekerja asing atau pekerja tempatan dari sektor pekerjaan yang sama atau pelbagai sektor pekerjaan.
 - 2.2 **Asrama Pekerja**
Dalam panduan ini bermaksud satu deretan / atau kerompok bangunan yang lebih dari satu unit bangunan (sama ada diubah suai atau tidak diubah suai) yang digunakan untuk menempatkan sekumpulan pekerja meliputi pekerja asing atau pekerja tempatan dari sektor pekerjaan yang sama atau pelbagai sektor pekerjaan.
3. Semua pemohon atau pemilik premis penginapan / asrama pekerja perlu menyediakan tong sampah bertutup yang mencukupi sekurang-kurangnya 1 unit Mobile Garbage Bin 240 liter (MGB240L) bagi setiap unit premis dan diselenggara dalam keadaan baik.
4. Pemohon atau pemilik premis penginapan / asrama pekerja perlu memastikan semua sisa domestik dan sisa pukal dibuang dengan cara yang betul dan telah ditetapkan oleh pihak Majlis. Dilarang membuang sisa industri, sisa buangan berjadual atau sisa binaan di premis asrama pekerja.
5. Kutipan sisa pepejal dilakukan oleh pihak KDEB Waste Management Sdn. Bhd. atau kontraktor yang dilantik oleh pihak Majlis mengikut jadual yang telah ditetapkan.
6. Pemohon atau pemilik premis penginapan / asrama pekerja tidak dibenarkan membuang sisa di tempat awam, membuang sisa di dalam longkang awam, meletakkan sampah sarap di atas jalan, dilarang membakar sisa serta mendatangkan kacauganggu kepada orang sekeliling serta tertakluk kepada Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (MPS) 2007 dan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171).

7. Memastikan tiada bekas, sisa tin / tong atau tempat yang boleh menakung air yang boleh menyebabkan tempat berpotensi pembiakan nyamuk aedes.
8. Semua pemohon atau pemilik premis penginapan / asrama pekerja perlu membuat bayaran Cagaran Pengurusan Sisa Pepejal Penginapan / Asrama Pekerja melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan, Majlis Perbandaran Selayang sebanyak RM 3,000.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ribu Sahaja) bagi penginapan pekerja manakala sebanyak RM 5,000.00 (Ringgit Malaysia : Lima Ribu Sahaja) bagi asrama pekerja. Cagaran adalah bertujuan memastikan pemohon / pemilik premis sentiasa mematuhi Garis Panduan Pengurusan Sisa Pepejal Penginapan / Asrama Pekerja serta menjaga kebersihan sekitar penginapan / asrama pekerja sepanjang tempoh kelulusan kebenaran penginapan / asrama pekerja oleh Majlis.
9. Majlis berhak untuk memotong cagaran seperti Lampiran 1, Jenis-jenis Kesalahan Untuk Tindakan Pemotongan Cagaran Pengurusan Sisa Pepejal Penginapan / Asrama Pekerja dan pemohon atau pemilik premis penginapan / asrama pekerja perlu menjelaskan kembali pemotongan cagaran tersebut supaya sentiasa lengkap berjumlah RM 3,000.00(Ringgit Malaysia : Tiga Ribu Sahaja) bagi penginapan pekerja manakala sebanyak RM 5,000.00 (Ringgit Malaysia : Lima Ribu Sahaja) bagi asrama pekerja bagi setiap akaun cagaran.
10. Tuntutan Cagaran Pengurusan Sisa Pepejal Penginapan / Asrama Pekerja boleh dilakukan selepas 3 tahun atau selepas tamat tempoh kelulusan kebenaran penginapan / asrama pekerja atau mana-mana syarat yang dinyatakan mengikut prosedur cagaran Majlis.
11. Semua pemohon adalah tertakluk kepada pematuhan Akta 446 dan peraturan-peraturan standard minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja (Penginapan dan Penginapan Berpusat) 2020. Keperluan minima yang telah ditetapkan adalah seperti berikut

Bil	Perkara	Dormitori	Selain Dormitori <i>1bedsitter</i>
1	Ruang tidur	3.0m ² bagi setiap pekerja	3.6m ² bagi setiap pekerja
2	Tandas	Bilik air dan tandas (sama ada berasingan atau bersekali) dengan nisbah 1 bilik air dan tandas bagi 15 pekerja	Bilik air dan tandas (sama ada berasingan atau bersekali) dengan nisbah 1 bilik air dan tandas bagi 6 pekerja

3	Kemudahan asas yang tidak boleh dikongsi	(i) Katil bujang tidak kurang 1.7m² / Katil jenis 2 tingkat dengan jarak ruang 0.7m²; (ii) Tilam tidak kurang 4 inci (10.2 cm) tebal; (iii) Bantal; (iv) Selimut; dan (v) Almari berkunci bersaiz tidak kurang daripada 0.35m panjang x 0.35m lebar x 0.9m tinggi.
4	Bekalan air dan elektrik	Memastikan terdapatnya bekalan air dan elektrik dalam penginapan/asrama pekerja
5	Kemudahan asas yang lain	(i) Satu ruang rehat; (ii) Satu ruang makan dengan kerusi dan meja (iii) satu ruang dapur; (iv) Kipas bagi setiap ruang rehat, makan dan bilik tidur; (v) Lampu bagi setiap ruang rehat, ruang makan, bilik tidur, ruang dapur, bilik air dan tandas; (vi) Satu ruang menyidai pakaian; (vii) Satu alat pertolongan cemas; dan (viii) Tong sampah.

Sumber : Peraturan-Peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Penginapan Dan Penginapan Berpusat) 2020

12. Lain-lain arahan pentadbiran daripada Majlis dari semasa ke semasa.